



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1396

AKTA PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2011

Tarikh Perkenan Diraja 18 Julai 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 21 Julai 2011

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1396

AKTA PERBEKALAN TAMBAHAN (2011) 2011

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2011) 2011.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas bilion seratus lapan puluh enam juta tujuh ratus tiga belas ribu ringgit (RM13,186,713,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2011 [*Akta A1388*].

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	11,305,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	317,383,200
B. 8	Jabatan Peguam Negara	1,000,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	6,000,000,000
B. 13	Kementerian Luar Negeri	27,980,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	786,200,000
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	1,383,802,500
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	213,300,000
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	38,500,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	13,123,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	100,000,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	198,740,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	7,730,000
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	15,000,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	1,540,369,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	1,037,800,000
B. 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	442,149,000
B. 47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	70,283,700
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	458,750,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	493,297,600
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	30,000,000
JUMLAH		<u>13,186,713,000</u>